

DBKL bentang bajet RM2.604b

Peruntukan berkurangan berbanding belanjawan 2022

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor

bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membentangkan peruntukan Belanjawan 2023 berjumlah RM2.604 bilion.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata daripada jumlah itu RM1.96 bilion atau 75.3 peratus diperuntukkan untuk mengurus, manakala peruntukan pembangunan adalah berjumlah RM643.7 juta atau 24.7 peratus.

“Secara keseluruhannya, ini adalah penurunan sebanyak 3.7 peratus berbanding Belanjawan 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM2.704 bilion.

“Bagi peruntukan mengurus, DBKL menumpukan lima komponen utama iaitu perkhidmatan



Mahadi (kiri) pada sidang media pembentangan Belanjawan 2023 di Menara DBKL, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

dan bekalan berjumlah RM1.277 bilion atau 65.2 peratus; bayaran lebih masa berjumlah RM64.6 juta atau 3.3 peratus; gaji, upahan dan manfaat pekerja berjumlah RM497.7 juta atau 25.4 peratus; pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah RM99.2 juta atau 5.0 peratus dan perbelanjaan lain RM21.7 juta atau 1.1 peratus.

“Manakala bagi peruntukan pembangunan pula terdiri daripada dua bahagian iaitu pembi-

ayaan DBKL berjumlah RM540.7 juta atau 84.0 peratus, manakala bakinya merupakan pembiayaan kerajaan dan lain-lain sebanyak RM103.0 juta atau 16.0 peratus,” katanya pada sidang media pembentangan Belanjawan 2023 di Menara DBKL, di sini semalam.

Anggaran hasil menurun

Mahadi berkata, secara umumnya, anggaran hasil DBKL dijangka akan menurun sebanyak 9.4

peratus daripada RM2.298 bilion pada tahun 2022 kepada RM2.082 bilion pada tahun 2023.

“Antara yang menyumbang kepada penurunan ini termasuk hasil kawalan binaan dan perancangan yang dijangka menurun sebanyak RM209.2 juta atau 48.3 peratus kepada RM224.3 juta pada tahun 2023 berbanding RM433.5 juta pada tahun 2022.

“Sebaliknya, hasil utama DBKL yang terdiri daripada hasil cukai taksiran berjumlah RM1.370 bilion atau 65.8 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil, dijangka meningkat sebanyak RM10 juta atau 0.7 peratus berbanding tahun 2022,” katanya.

Mahadi berkata, selari dengan usaha DBKL untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Kuala Lumpur, Belanjawan DBKL 2023 adalah bertemakan ‘Bandar Raya Mampan, Sejahtera Bersama’.

“Tema ini mencerminkan komitmen DBKL terhadap pelaksanaan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampan dan inklusif. Dengan peruntukan yang disediakan ini, kami akan menggandakan usaha untuk mencapai objektif ini demi kesejahteraan warga kota,” katanya.